

(3)



SEMINAR KEBAHASAAN

MAJELIS BAHASA BRUNEI DARUSSALAM-INDONESIA-MALAYSIA
(MABBIM)



PEMERKASAAN ISTILAH ARAB
DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI PERGURUAN UGAMA

Pengiran Hajah Salmiah binti Pengiran Haji Shahbudin
Pusat Bahasa
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Hotel Santika TMII, Jakarta, 4—5 Juni 2014

PEMERKASAAN ISTILAH ARAB DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI PERGURUAN UGAMA

Pengiran Hajah Salmiah binti Pengiran Haji Shahbudin
Pusat Bahasa
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

ABSTRAK

Bahasa Arab berperanan penting dalam usaha penyebaran dakwah Islam di kalangan penduduk Brunei sejak mula kedatangan Islam. Kesannya yang paling ketara sehingga hari ini ialah penyerapan istilah-istilah Arab (IA) ke dalam bahasa Melayu terutamanya perkara yang berkaitan dengan ilmu agama. Bahasa Arab menyumbang kepada perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara apabila banyak karya Arab diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Tulisan Jawi yang berasal daripada skrip Arab juga dijadikan medium untuk berkomunikasi di negara ini. Penubuhan institusi-institusi pengajian yang bermediumkan bahasa Arab dan tawaran program serta kursus bahasa Arab, penghantaran pelajar-pelajar ke luar negara serta penubuhan jabatan-jabatan agama dan Hukum Kanun Jenayah Syari'ah (HKJS) merupakan faktor utama yang memacu keperluan dan kehendak kita ke arah usaha pemerkasaan IA. Sebagai instrumen bahasa, IA merupakan khazanah ilmu yang wajib dipelihara dan diperkasa. Walau bagaimanapun satu daripada kajian mahu pun perbahasan yang berbentuk leksikal mengenainya belum banyak didapati terutamanya di institusi pengajian tinggi di negara ini. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengukuh dan menyebarluaskan penggunaan IA di institusi-institusi berkenaan. Lokasi kajian diadakan di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Sebanyak 40 set borang kaji selidik diagihkan kepada golongan sasaran yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar. Dapatkan kajian menunjukkan usaha-usaha pemerkasaan IA perlu dipertingkatkan di institusi pengajian tinggi umumnya dan di institusi tinggi perguruan agama khasnya melalui langkah-langkah yang digariskan meskipun terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi. Semoga kajian ini akan dapat menyumbang sedikit sebanyak ke arah merealisasikan aspirasi negara bagi mewujudkan *Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur* dan memartabatkan bahasa al-Quran di kedudukan yang paling tinggi.

Kata Kunci : Perkasa. Istilah. Al- Quran.

1. Pendahuluan

Masyarakat penutur dan penulis kita semakin menyedari akan pentingnya menggunakan atau menyelitkan IA dalam percakapan dan penulisan mereka. Ini dilakukan untuk tujuan menambah kesan dan kekuatan sesuatu ayat yang diucapkan dan mencipta suatu kelainan yang dapat menarik perhatian pendengar atau pembaca. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, IA sering digunakan kerana hubungannya yang kukuh dengan agama Islam yang dijadikan sebagai agama rasmi, selain tulisan Jawi yang berasal dari skrip Arab yang juga dijadikan salah satu medium untuk berkomunikasi dalam kalangan penduduk Brunei sejak perkembangan dakwah Islam. Kitab-kitab yang berasal daripada karya Arab juga diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan mengekalkan beberapa IA yang berkaitan dengan pelbagai aspek terutamanya dalam bidang agama atau peribadatan seperti perkataan: *syahadat, zakat, haji, ihram, fidyah, nikah, jenayah, khutbah* dan *akhirat*. Istilah-istilah umum seperti: *salam, hikmat, nikmat, rahmat, keramat, nafsu, nafas, kuat, bin* dan *binti* juga berasal

dari perkataan Arab. Begitu juga istilah-istilah pendidikan dan linguistik seperti *ilmu*, *kitab*, *terjemah*, *nukil*, *istilah*, *ayat*, *lafaz*, *jumlah* dan *nahu* merupakan IA yang telah diserap ke dalam bahasa Melayu.

Seiring dengan perkembangan bahasa Melayu IA yang diserapkan ini turut dikembangluaskan. Faktor: agama, pendidikan, budaya dan ekonomi sangat mempengaruhi pemerkasaan bahasa Arab dan istilahnya. Penubuhan sekolah-sekolah Arab misalnya, pembinaan kurikulum bahasa Arab di sekolah-sekolah dan institusi-institusi di semua peringkat pengajian, penghantaran pelajar-pelajar agama ke negara-negara Timur Tengah, dan penubuhan Pusat Dakwah, jabatan-jabatan agama, Mahkamah Syari'ah, dan penyelanggaraan sistem Perbankan Islam serta pelaksanaan HKJS yang diperkenalkan baru-baru ini merupakan bukti yang kukuh mengenai peranan dan pentingnya pemerkasaan IA, dalam memacu dan merealisasikan aspirasi negara bagi mewujudkan بلدة طيبة ورب غفور (Saba : 15), iaitu Negara yang baik dan sentiasa mendapat Keampunan Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Dalam konteks ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menggalakkan pembelajaran bahasa asing yang utama melalui titah baginda Sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (1961-2011) pada hari Sabtu, 19 Syawal 1432H bersamaan dengan 17 September 2011M di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas:

“Kita sama sekali bukan menafikan kepentingan bahasa asing, malah kita juga menggalakkannya supaya dipelajari dan didalami, terutama bahasa-bahasa asing yang utama.”

2. Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mempergiat dan menyebar luas penggunaan IA di institusi-institusi pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam terutamanya Institusi Pengajian Tinggi Perguruan Ugama.

3. Objektif Kajian

- 3.1 Mengetahui tahap keperluan institusi pengajian tinggi terhadap pemerkasaan IA.
- 3.2 Mengenal pasti cabaran dan masalah yang dihadapi dalam usaha memperkasa IA.
- 3.3 Memperkaya koleksi IA dan menyebarluaskan penggunaannya.
- 3.5 Menghindari kesalahan pembentukan dan penggunaan IA.
- 3.6 Memudahkan aktiviti kajian dan rujukan.

4. Skop dan Metode Kajian

Lokasi kajian diadakan di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Seramai 40 orang responden (10 orang staf akademik dan 30 orang pelajar) telah dipilih untuk mengisi borang kaji selidik. Borang kaji selidik mengandungi tujuh item yang berkisar tentang latar belakang responden, maklumat tentang program dan aktiviti pemerkasaan yang telah dilakukan oleh institusi pengajian dan sebab-sebabnya, pandangan responden jika IA diperkasakan, bidang ilmu yang diperkasa, pencapaian yang telah diperoleh, masalah dan cabaran semasa yang dihadapi dan cadangan-cadangan bagi menambah pemerkasaan istilah-istilah tersebut.

5. Pengertian

5.1 Memperkasa

Istilah ‘memperkasa’ bermaksud menguat, memperkuuh, mempertingkat, memperteguh dan memantap sesuatu perkara.

5.2 Istilah

Istilah mengikut Kamus Dewan bermaksud perkataan atau rangkai kata yang menyatakan sesuatu dengan betul, tepat dan sesuai dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan, pekerjaan atau kesenian, ilmu bahasa dan sains.

Dalam bahasa Arab, istilah dikenali sebagai **كلمات** (kalimat) atau **مفردات** (mufradat). Kalimat didefinisikan sebagai suatu صيغة (lafaz) yang mempunyai fungsi tertentu dalam sesuatu susunan ayat. Kalimat juga ditakrifkan sebagai gabungan huruf konsonan dalam sesuatu perkataan yang memberikan makna. Ciri-ciri kalimat terikat dengan sistem yang bersifat fleksi. Strukturnya berfungsi sebagai satu unit daripada unit-unit leksikal yang boleh diasingkan, digugurkan, dikecualikan atau diubah kedudukannya dan digantikan dengan yang lain dalam sesuatu konteks. Ia dikenali sebagai اشتقاق (isytqaq) dan biasanya berasal daripada tiga huruf dan kadangkala terdapat huruf tambahan. Sebagai contoh huruf ك ت ب yang dijadikan perkataan كتب (telah menulis) boleh diubah menjadi يكتب (sedang menulis), (tulislah), مكتوب (seorang penulis), كتاب (dua orang penulis), كتاب (ramai penulis), (ditulis), كتاب (kitab), مكتبة (perpustakaan). Setiap kalimat Arab merupakan perkataan yang mempunyai perwakilan bunyi, ejaan dan mempunyai maksud tertentu. Kalimat بيت (bait) misalnya membawa bentuk ejaan melalui huruf ب - ي - ت dengan bunyi bait dan bermaksud rumah.

Istilah merupakan sebahagian unit linguistik yang menghasilkan sesuatu wacana lisan atau tulisan bagi menyampaikan idea, fakta, pemikiran, pengetahuan dan maklumat yang betul, tepat dan berkesan. Dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, istilah merupakan instrumen dan subkemahiran yang sangat penting kerana ia menjadi asas dalam penguasaan empat kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, membaca, bertutur dan menulis. Dalam kemahiran menulis dan mengarang misalnya, aspek ini berkait rapat dengan kemahiran membina,

menggabung dan memanipulasi ayat, di samping kemahiran membaca dan memahami.

Kesimpulannya, definisi istilah dirujuk sebagai sejumlah perkataan dalam sesuatu bahasa yang dilihat kepada nilai makna atau konsep yang dibawa dan merupakan satu daripada elemen atau unsur pembentukan bahasa.

5.3 Bahasa Arab

Bahasa Arab merupakan satu daripada bahasa Samawi yang masih digunakan hingga sekarang. Sebelum Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wa Salam diutus, bahasa Arab telah mencapai zaman kegemilangan dan keagungannya dan digunakan dalam kehidupan sehari-hari orang-orang Arab dalam kehidupan mereka seharian sama ada melalui pertuturan, penulisan mahu pun pertandingan-pertandingan syair. Justeru, Allah Subhanahu Wa Taala telah mengutus Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wa Salam menjadi rasul terakhir dari kalangan bangsa Arab Quraisy dan memilih serta memartabatkan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran yang menjadi kitab dan panduan orang-orang Islam sepanjang zaman. Terdapat beberapa ayat al-Quran yang menyatakan tentang hubungan bahasa Arab dengan al-Quran, yang antaranya

..... وَهَذَا الْسَّانُ عَرَبِيٌّ مُّبِينٌ (al-Nahl:6) yang bermaksud “... dan inilah lisan Arab yang nyata.”

Kedudukan bahasa Arab selepas itu semakin kukuh dengan tersebarnya agama Islam. Keunggulan bahasa ini dapat dilihat melalui peranannya dalam menyebarkan hadharah Islamiah (tamadun Islam), ilmu sains, ekonomi, politik, kesenian dan segala ilmu yang mencakupi keperluan dunia dan ukhrawi. Melalui al-Quran timbulah ulum al-Quran dan ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengan bahasa ini seperti nahu (sintaksis), saraf (morphologi) dan balaghah (retorika) untuk mentafsir nas-nas al-Quran. Orang-orang Islam Arab berusaha mempertahankan bahasa ini daripada kesilapan dan kesalahan, lebih-lebih lagi apabila mereka bergaul dengan orang-orang bukan Arab. Oleh itu mereka telah membuat langkah-langkah drastik untuk menghindari pencemaran bahasa Arab iaitu dengan memperkenalkan al-Ulum al-Arabiyyah (bidang ilmu yang berkaitan dengan bahasa Arab). Ia mengandungi 13 bahagian, iaitu *Saraf*, *I'rab*, *Rasm*, *Ma'ani*, *Bayan*, *Badi'e*, *'Arudh*, *Qawafi*, *Qardu al-Syi'ri*, *Insya*, *Khitabah*, *Tarikh al-Adab* dan *Matan al-Lughah*.

Bahasa Arab mempunyai 29 atau 28 huruf (jika huruf alif dibuang) yang dikenali sebagai huruf al-hija' (*alphabet*) dan kadangkala disusun dalam bentuk أ ب ج د (أبجد) ه و ز (هوز) ح ط ي (حطي) ك ل م ن (كلمن) س ع ف : ص (صفص) ق ر ش ت (قرشت) ش خ ذ (شخذ) ض ظ غ (ضظغ) . 26 huruf daripada huruf-huruf tersebut merupakan huruf konsonan dan tiga daripadanya adalah huruf vokal, iaitu huruf ا او ي . Vokal Arab terdiri daripada vokal pendek dan vokal panjang. Vokal pendek mempunyai baris atas (fathat), baris bawah (kasrat) dan baris hadapan (dhammat). Manakala vokal panjang ‘alif’ pula diletakkan selepas huruf, contohnya selepas huruf ڦ dalam perkataan ‘اصطلاح’.

5.4 Institusi Pengajian Tinggi Perguruan Ugama

Institusi pengajian tinggi yang berperanan secara langsung dalam melahirkan guru-guru agama di Negara Brunei Darussalam ialah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Kolej universiti ini ditubuhkan pada awal tahun Hijrah 1428 bersamaan dengan 20 Januari 2007 berikutan pengisytiharan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda sempena sambutan awal tahun Baru Hijrah 1428. Baginda telah menitahkan bagi penaikan taraf dari peringkat Maktab Perguruan ke peringkat Kolej Universiti.

Sejak bulan Ogos 2007, KUPU SB telah melaksanakan pengajiannya dalam Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Usuluddin, Syariah, Pendidikan, Pendidikan Bahasa Arab), Sarjana Perguruan Ugama (Aqidah, Fiqh, Penyeliaan, Kurikulum, Pengurusan dan Pentadbiran dan Sastera Islam), Diploma Perguruan Ugama Lepas Ijazah, Sarjana Muda Perguruan Ugama (Usuluddin dan Syariah), Diploma Tinggi Perguruan Ugama (Usuluddin dan Syariah), Diploma Perguruan Ugama (Usuluddin dan Syariah), Diploma Pengajian Tauhid, Diploma Pengajian Tafsir dan Hadith, Diploma Pengajian Fiqh, Diploma Pengajian Fiqh dan Usul Fiqh serta Sijil Khas Perguruan Ugama. Pada masa ini KUPU SB mempunyai tiga buah fakulti dan enam buah pusat, iaitu Fakulti Usuluddin, Fakulti Syariah, Fakulti Pendidikan, Pusat Ilmu Teras, Pusat Bahasa, Pusat Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan, Pusat Pengajian Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah, Pusat Multimedia dan Teknologi dan Pusat Penerbitan. Bahasa pengantar bagi setiap program dan kursus yang ditawarkan terdiri daripada bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris.

6. Dapatan Kajian

6.1 Latar belakang responden

Seramai 40 orang responden telah dipilih secara rawak untuk mengisi borang kaji selidik. Responden-responden berkenaan adalah terdiri daripada 20 orang laki-laki dan 20 orang perempuan. Seramai 2 orang responden berumur di bawah 20 tahun, 23 orang berumur antara 21-30 tahun, 10 orang berumur antara 41-50 tahun dan 5 orang berumur 51 tahun ke atas. Manakala latar belakang pendidikan responden pula ialah 10 orang daripada mereka terdiri daripada pensyarah dan selebihnya pelajar.

6.2 Maklumat tentang program dan aktiviti pemerkasaan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 10 orang responden mengetahui dengan jelas tentang program dan aktiviti pemerkasaan IA yang dilaksanakan di KUPU SB. Seramai 26 orang menyatakan bahawa mereka kurang jelas tentang program ini dan 4 orang pula tidak tahu langsung berkaitan dengan program atau aktiviti pemerkasaan IA berkenaan.

6.3. Pandangan responden jika IA diperkasakan

6.3.1 Dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 32 orang responden bersetuju jika IA diperkasakan di KUPU SB, manakala 8 orang daripadanya kurang bersetuju berdasarkan faktor-faktor berikut:

- 6.3.1.1 Memantapkan penggunaan IA dalam kalangan warga institusi pengajian tinggi kerana peringkat ini merupakan peringkat akhir pendidikan bagi seseorang pelajar seharusnya telah menguasai pelbagai kemahiran dan pengetahuan sebelum melangkah ke alam pekerjaan.
- 6.3.1.2 Memartabatkan KUPU SB yang dianggap sebagai institusi induk yang melahirkan guru-guru agama.

Pendapat ini seiring dengan matlamat KUPU SB untuk melahirkan sumber tenaga manusia sebagai hamba dan khalifah Allah yang berwibawa dalam pendidikan perguruan Islam untuk membentuk masyarakat dan bangsa yang berilmu, beramal dan bertaqwa menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah bermazhab Syafie serta mendukung kedudukan Ugama Islam sebagai ugama rasmi negara dan konsep Negara Melayu Islam Beraja.

- 6.3.1.3 Bahasa Arab adalah bahasa al-Quran, al-Hadith dan sumber ilmu Turath yang menjadi teras pengetahuan agama Islam. Jika salah ejaan maka akan salahlah sebutan serta maknanya.

Seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (1961-2011) pada hari Sabtu, 19 Syawal 1432H bersamaan dengan 17 September 2011M di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas:

“Menyebut bahasa Melayu sebagai bahasa besar ini, ia juga mempunyai sistem atau kaedah tersendiri yang unik, khasnya dalam perkara tulisan dan ejaan. Dalam tulisan dan ejaan, ia ada dua bentuk yang berbeza : Jawi dan Rumi, sesuatu yang barangkali tidak terdapat pada bahasa-bahasa lain. Dalam hubungan ini, ingin beta membawa sidang hadirin untuk melihat perkara ejaan itu, kerana ejaan juga turut menentukan kesahihan sesuatu maksud. Khasnya ejaan Rumi, jika kita mengeja sesuatu perkataan yang ada unsur keagamaan, maka sudah barang tentu ia perlu diselaraskan dengan bunyi sebutan yang betul. Seperti perkataan yang ada terdapat huruf ‘ain’ (݂), pada masa ini, ‘ain itu dieja dengan ‘k’, seperti perkataan da’wah jadi dakwah dan perkataan yang ada huruf dhad (ݔ) dieja dengan ‘d’ seperti qadhi jadi kadi.”

6.3.1.4 Bahasa Arab adalah bahasa sejagat kerana banyak bilangan penuturnya.

6.3.1.5 Memartabatkan tulisan Jawi kerana hubungannya yang kukuh dengan huruf dan IA.

6.3.1.6 Memperkaya dan menggunakan IA melalui teori dan aplikasi.

6.3.1.7 Meningkatkan pengetahuan guru-guru agama kerana mereka terlibat secara langsung dengan penggunaan istilah-istilah agama.

Setiap guru agama yang tidak memahami IA dengan baik sudah setentunya kurang memahami maksud dan kandungan kitab-kitab agama. Untuk mengatasi masalah ini mereka merujuk sumber yang telah diterjemahkan daripada kitab-kitab asal tersebut ke dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Impaknya, apabila kandungan buku-buku yang diterjemahkan itu tidak menepati maksud istilah atau rangkai kata yang diperlukan maka maklumat atau pengetahuan yang mereka peroleh itu akan bercelaru dan salah. Kekeliruan dan kecelaruan ini pula secara tidak langsung akan diwariskan kepada pelajar-pelajar mereka. Justeru, bakal-bakal guru agama perlu dibekalkan dengan kefahaman tentang istilah-istilah agama Arab agar kemosyikilan mereka dalam memahami istilah-istilah tersebut dapat diatasi.

6.3.1.8 Bahasa Arab diajarkan di sekolah-sekolah agama.

Persekolahan agama di sekolah-sekolah rendah ugama telah diwajibkan kepada semua rakyat Negara Brunei Darussalam. Dalam masa yang sama, mata pelajaran bahasa Arab juga telah diajar secara berperingkat-peringkat sejak tahun 2012. Bermula dari tahun 1, pelajaran ini dilaratkan ke tahun-tahun berikutnya sehingga selesai tahun VI. Guru-guru yang mengajar pelajaran ini terdiri daripada pelbagai latar belakang pengajian, yang antaranya ialah beberapa orang guru lepasan KUPU SB.

6.3.1.9 Mudah berkomunikasi dan mencipta suatu kelainan bagi menarik perhatian pembaca atau pendengar.

6.3.1.10 Menghindari kesalahan-kesalahan kepenggunaan istilah dan makhraj huruf Arab.

6.3.1.11 Menghindari kesalahan perbezaan istilah bahasa Melayu dan IA. Contohnya perbezaan ilmu Teras dengan ilmu Turath.

6.4. Bidang ilmu yang diperkasakan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa IA hendaklah diperkuuh dan diperbudaya melalui pengajaran dan pembelajaran program atau kursus yang berteraskan pengajian Islam, seterusnya istilah-istilah yang berkaitan dengan linguistik, pendidikan dan bidang umum.

6.5. Pencapaian

6.5.1 Dapatan kajian menunjukkan bahawa pencapaian fakulti atau pusat KUPU SB dalam usaha memperkasa IA ialah melalui penawaran program dan kursus bahasa Arab, penawaran program dan kursus bidang agama, penerbitan daftar istilah serta aktiviti-aktiviti kebahasaan.

6.5.1.1 Penawaran Program Ijazah Doktor Falsafah Pendidikan Bahasa Arab. Program ini akan dilaksanakan bermula pada bulan Ogos 2014.

6.5.1.2 Penawaran Kursus-Kursus Bahasa Arab :

6.5.1.2.1 Al-Lughah Al-Arabiyyah I hingga Al-Lughah Al-Arabiyyah VI, bagi Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama Usuluddin dan Syariah (enam peringkat).

6.5.1.2.2 Al Lughah Al-Arabiyyah I hingga Al-Lughah Al-Arabiyyah VI, bagi Diploma Tertinggi Perguruan Ugama Usuluddin dan Syariah (enam peringkat).

6.5.1.2.3 Turuq Tadris Al-Lughah Al-Arabiyyah I dan II, bagi Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah.

6.5.1.2.4 Bahasa Arab Tujuan Khas, bagi Diploma Pengajian Tauhid, Diploma Pengajian Tafsir, Diploma Pengajian Fiqh dan Diploma Pengajian Fiqh dan Usul Fiqh.

6.5.1.3 Penawaran Program dan Kursus Bidang Agama

Istilah bahasa Arab juga diajar melalui program-program agama yang dikendalikan oleh Fakulti Usuluddin dan Fakulti Syariah. Antaranya ialah program Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama Usuluddin, Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama Syariah, Sarjana Perguruan Ugama Aqidah, Sarjana Perguruan Ugama Fiqh, Sarjana Muda Perguruan Ugama Usuluddin, Sarjana Muda Perguruan Ugama Syariah, Diploma Tinggi Perguruan Ugama Usuluddin, Diploma Tinggi Perguruan Ugama Syariah, Diploma Perguruan Ugama Usuluddin, Diploma Perguruan Ugama Syariah, Diploma Pengajian Tauhid, Diploma Pengajian Tafsir dan Hadith,

Diploma Pengajian Fiqh, Diploma Pengajian Fiqh dan Usul Fiqh serta Sijil Khas Perguruan Ugama.

Selain itu, kursus yang berkaitan dengan kitab-kitab Turath juga diajar melalui Pusat Ilmu Teras sama ada secara formal atau informal (kursus dibuka pada setiap hari Jumaat dan hari Ahad kepada orang ramai). Kursus seumpama ini banyak mendedahkan penggunaan IA kerana kitab-kitab yang digunakan dalam kursus berkenaan adalah kebanyakannya terjemahan dari karya-karya Arab.

6.5.1.4 Penerbitan Daftar Istilah Kitab Turath

Antara glosari istilah yang telah diterbitkan oleh KUPU SB ialah ‘Daftar Istilah Kitab Turath: Penawar Bagi Hati’. Tujuannya ialah untuk memudahkan para pelajar dan pembaca memahami istilah-istilah Jawi dan Arab. Buku ini disusun oleh pensyarah-pensyarah KUPU SB dan diterbitkan pada tahun 2013. Kandungannya terdiri daripada istilah Jawi/Arab, transliterasi, sebutan dalam huruf Rumi dan makna. Contohnya :

Makna	Rumi	Transliterasi	Jawi/Arab
Tuhan yang membolak-balikkan hati	Muqallib al-Qulub	Muqallib al-Qulub	مقلب القلوب
Sifat keagungan Allah yang tidak boleh dimiliki oleh makhluk-Nya	Kibriya	Kibriya'	كَبْرِيَاءٌ
Ujian Allah kepada orang yang derhaka dalam bentuk kenikmatan	Istidraj	Istidraj	استدراج

6.5.1.5 Aktiviti- aktiviti Kebahasaan

Aktiviti yang berkaitan dengan bahasa Arab telah banyak dilaksanakan di KUPU SB melalui kursus, pidato, forum dan persembahan sempena hari kebangsaan. Walau bagaimana pun aktiviti seumpama ini dilaksanakan bagi tujuan menguasai kemahiran bahasa dan bukannya memperkasa istilah.

6.6. Masalah dan cabaran

6.6.1 Dapatan kajian telah mengenal pasti masalah atau cabaran yang dihadapi oleh KUPU SB dalam usaha memperkasa IA, yang antaranya ialah:

- 6.6.1.1 Kebanyakan pelajar kurang menggunakan IA dalam kehidupan sehari-hari mereka. Mereka hanya menggunakan ia semasa belajar, ketika membaca dan menulis subjek agama yang mengandungi IA.
- 6.6.1.2 Kebanyakan pelajar kurang peka terhadap kepentingan dan peranan IA dalam membina kemahiran berbahasa dan memahami maksud istilah yang terkandung dalam pelbagai disiplin ilmu.
- 6.6.1.3 Bilangan sumber rujukan yang berkaitan dengan IA terlalu sedikit. Sebagai contoh, penulisan glosari istilah yang telah diterbitkan oleh KUPU SB sangat terbatas dan bahan-bahan rujukan yang terdapat di bilik perpustakaan juga sukar didapati.
- 6.6.1.4 Kebanyakan pelajar kurang pendedahan tentang IA, dan jika ada sekalipun mereka tidak memahaminya kerana tidak mempunyai asas pembelajaran bahasa Arab.
- 6.6.1.5 Aktiviti-aktiviti pemerkasaan istilah bahasa Arab kurang dititikberatkan.
- 6.6.1.6 Faktorkekangan masa dan psikologi seperti tidak yakin, tidak minat, malu, dan terbeban merupakan hambatan yang menghalang pemerkasaan IA dalam kalangan pelajar.

6.7 Cadangan Memperkasa Istilah Arab (IA)

- 6.7.1 Responden kajian telah mengutarakan beberapa cadangan untuk pemerkasaan IA, antaranya ialah:
 - 6.7.1.1 Mengembangluaskan penggunaan IA di kalangan warga KUPU SB, sama ada melalui teori mahu pun aplikasi.
 - 6.7.1.2 Memperkuuh dan membudayakan penggunaan tulisan Jawi terlebih dahulu berbanding dengan aspek lain kerana tulisan Jawi mempunyai keseragaman dengan sistem tulisan dan bacaan Arab.
 - 6.7.1.3 Menambah bilangan glosari dan kamus yang berkaitan dengan IA mengikut bidang ilmu, contohnya bidang agama. Penyusunan glosari istilah hendaklah dibentuk mengikut cabang-cabang ilmu agama. Ayat-ayat al-Quran, Matan al-Hadith, istilah Fiqh, istilah akidah dan Mustalah Hadith atau Ulum al-Quran hendaklah mempunyai istilah khas masing-masing. Manakala perkataan yang kerap digunakan oleh masyarakat Melayu Brunei merupakan perkataan yang mempunyai nisbah yang tertinggi dalam pemilihan istilah ini.
 - 6.7.1.4 Mempergiat aktiviti-aktiviti pemerkasaan IA melalui kepelbagaiannya bahan rujukan dan pemilihan teks pengajaran atau bacaan yang

mencerminkan situasi persekitaran pelajar. Begitu juga perkembangan teknologi informasi dan komunikasi perlu dimanfaatkan sepenuhnya dalam menyebarkan maklumat yang berkaitan dengan IA. Media cetak seperti jurnal, majalah, buku dan risalah dijadikan sebagai wahana ilmu dan maklumat dalam kalangan pencinta bahasa al-Quran agar mereka dapat memahami dan menguasainya dengan lebih cepat dan efektif.

- 6.7.1.5 Mempelbagai aktiviti pengajaran istilah atau kosa kata yang lebih menyeronokkan agar dapat memperkaya perbendaharaan kata pelajar. Sebagai contoh, antara aktiviti pengajaran istilah ialah memilih sesuatu perkataan yang digunakan secara berulang-ulang dalam pelbagai bidang dan konteks. Dengan kata lain, pemilihan istilah bukan sahaja digunakan secara berulang-ulang dalam pelbagai bidang ilmu, bahkan juga digunakan dalam pelbagai konteks dengan membawa makna yang sama atau berbeza mengikut kehendak bidang berkenaan.
- 6.7.1.6 Menggunakan pendekatan pengajaran dengan memilih perkataan yang dapat membantu pelajar untuk mengungkapkannya secara spontan dalam situasi yang dikehendakinya.
- 6.7.1.7 Menjadikan bahasa Arab sebagai medium pengajaran bagi setiap program atau kursus agama.
- 6.7.1.8 Aktiviti pemerkasaan IA bukan hanya ditumpukan dan dipertanggungjawabkan kepada institusi agama semata-mata, bahkan perlu kerjasama dan penglibatan institusi-institusi atau badan-badan yang berkaitan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka.

7. Rumusan

Seramai 40 orang responden telah mengisi borang kaji selidik yang terdiri daripada 10 orang pensyarah dan 30 orang pelajar KUPU SB, dan kebanyakan responden berkenaan kurang jelas tentang program dan aktiviti pemerkasaan IA yang dilaksanakan. Majoriti responden bersetuju jika IA diperkasakan di kalangan warga institusi pengajian tinggi. Faktor lain ialah untuk memartabatkan KUPU SB yang berperanan secara langsung dalam mengajar dan mempertingkat penggunaan IA, selain bahasa Arab adalah teras agama Islam dan bahasa antarabangsa berdasarkan bilangan penuturnya. Apabila IA diperkasakan maka tulisan Jawi juga akan dapat dimartabatkan kerana hubungannya yang kukuh dengan bahasa Arab. Faktor lain seperti IA yang harus diperkaya melalui teori dan aplikasi, kepentingan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru-guru agama, penguatkuasaan pelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah rendah ugama, kemudahan memahami kandungan kitab-kitab agama, kemudahan berkomunikasi dan mencipta suatu kelainan, dan usaha bagi menghindari kesalahan penggunaan IA dan

perbezaan istilah bahasa Melayu dengan IA yang merupakan faktor utama mendorong kita untuk memperkasa IA di kalangan warga institusi pengajian tinggi.

IA yang perlu diperkasakan mencakupi bidang agama, linguistik, pendidikan dan umum. Antara usaha yang dilaksanakan oleh fakulti atau pusat KUPU SB untuk memperkasa IA ialah melalui penawaran program dan kursus bahasa Arab, penawaran program dan kursus bidang agama, penerbitan daftar istilah serta aktiviti-aktiviti kebahasaan.

Manakala masalah atau cabaran yang dihadapi oleh KUPU SB dalam usaha memperkasa IA ialah kebanyakannya pelajar kurang menggunakan IA dan mereka lebih mengutamakan istilah-istilah Inggeris sebagai medium komunikasi harian. Kebanyakannya pelajar kurang peka terhadap kepentingan dan peranan IA dalam membina kemahiran berbahasa. Selain itu, kurangnya bilangan bahan dan sumber rujukan yang berkaitan dengan IA dan ketiadaan pendedahan serta kekurangan asas pembelajaran bahasa Arab menyebabkan kebanyakannya pelajar kurang memahami makna atau maksud IA yang diterapkan dalam pembelajaran mereka. Faktor kurang aktiviti pemerkasaan IA, tiada sokongan daripada pihak yang berkenaan, dan sikap kurang yakin, tidak minat, malu, terbeban dan masalahkekangan masa merupakan cabaran yang sering dihadapi oleh KUPU SB dalam usaha memperkasakan IA.

Antara cadangan responden untuk pemerkasaan IA ialah meningkatkan penggunaannya di kalangan warga KUPU SB, sama ada melalui teori mahu pun aplikasi. Selain itu usaha-usaha bagi memperkuuh dan membudayakan penggunaan tulisan Jawi perlu dipertingkatkan. Bilangan glosari dan kamus yang berkaitan dengan IA mengikut bidang ilmu perlu ditambah dengan mengutamakan pemilihan perkataan yang kerap digunakan oleh masyarakat dan budaya Melayu. Begitu juga aktiviti-aktiviti pemerkasaan istilah hendaklah melalui kepelbagaiannya bahan sumber dan pemilihan teks pengajaran atau bacaan yang mencerminkan situasi persekitaran pelajar. Perkembangan teknologi informasi dan komunikasi perlu dimanfaatkan sebaiknya dalam menyebarkan maklumat melalui media cetak seperti jurnal, majalah, buku dan risalah agar para pelajar dapat menguasai IA dengan lebih cepat dan efektif. Kepelbagaiannya aktiviti pengajaran yang lebih menyeronokkan dan memperkayakan perbendaharaan kata pelajar, pendekatan pengajaran yang efisien, pemilihan perkataan yang sesuai dengan tahap pelajar dan persekitaran, dan IA dijadikan medium pengajaran subjek agama serta penglibatan institusi atau badan yang berkenaan merupakan antara rangkaian cadangan yang dilontarkan oleh responden untuk memperkasa IA di institusi pengajian tinggi amnya dan di institusi pengajian tinggi perguruan ugama khasnya.

8. Saran

- 8.1 Pemerkasaan IA hendaklah dilakukan oleh semua institusi pendidikan dan badan-badan berkenaan secara efektif dan beriltizam. Manakala aktiviti atau program pemerkasaan hendaklah jelas dan spesifik serta menjurus kepada pemerkasaan IA itu sendiri.

- 8.2 Penyusunan glosari dan kamus IA mengikut bidang ilmu perlu dipertingkatkan. Penyusun perlu membuat pilihan yang wajar berkaitan jumlah kata masukan serta perlu memastikan penjelasan makna yang sesuai dengan tepat dan jelas serta mudah difahami.
- 8.3 Kemajuan teknologi informasi dan komunikasi dan perkembangan media cetak hari ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya dalam usaha pemerkasaan IA.

9. **Penutup**

Pemerkasaan sesuatu istilah bukanlah sesuatu yang asing bagi diri kita. Terdapat banyak aktiviti dan program pemerkasaan istilah dalam pelbagai bahasa telah dilakukan, antaranya ialah melalui penulisan dan bahan bacaan. Penyusunan kamus, glosari, daftar kata dan kosa kata istilah merupakan sumbangan yang sangat berharga kepada para pembaca. Walau bagaimanapun, bahan-bahan seumpama ini terutama yang berkaitan dengan IA sukar didapati. Justeru, dalam kesempatan ini kerjasama dan penglibatan dari semua pihak adalah diperlukan agar bahasa al-Quran ini berada di tempat yang sepatutnya.

Rujukan :

Al-Quran al-Karim.

Abu Sikkin, Abdul Hamid Mohammad. 1983. *Dirasat Fi Al-Tajwed Wa Al Aswat Al-Arabiyyah*. Al-Qaherah: Matba Al-Amanah.

Abd Rauf Dato' Haji Hassan Azhari. Muhd Azidan Abd.Jabar. 2002. *Kamus Istilah Linguistik Arab-Inggeris-Melayu*. Malaysia: Universiti Putra Malaysia.

Ahmad Ta'imah, Rusydi. Al-Naqah. Mahmud Kamil. 2006. *Ta'lim Al-Lughah Ittisaliyyan Baina Al-Manahij Wa Al-Istiratijiyyat*. ISESCO.

AlyYunus. 1982/1983. *Al-Taqwim Fi Ta'alim Al-Lughat Li Al-Ajanib Ma'a Al-Tatbiq 'Ala Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah Li Ghairi Al-Natiqin Biha*. T.P.

Che Radiah Mezah. Norhayuza Mohammad. 2011. *Pengajaran dan Pembelajaran Kosa Kata Arab Teori dan Aplikasi*. Malaysia: Universiti Putra Malaysia.

Daftar Istilah Kitab Turath:Penawar Bagi Hati. 2013. Negara Brunei Darussalam: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Hassan, Abbas. T.T. Al-Nahu Al-Wafi. Cetakan Keenam. Al-Qaherah: Darul Ma'arif. Juzuk 1

Ibnu Jinni, Abu Al- Fatah Othman. 1945. Al-Munsif. Ibrahim Mustafa dan Abdullah Al-Ameen (Pentahqiq). T.P. Juzuk 1.

Ibnu Khaldun, Abdul Rahman. 2002. Cetakan Kelapan. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiah.

Kamus Dewan Ed ke-4. T.T. Selangor Darul Ihsan: Dawarma Sdn. Bhd.

Kamal Abd Aziz. T.T. Qiraat Fi 'Ilmi Al-Ma'ajim Wa Al-Dilalah. Negara Brunei Darussalam: Universiti Sultan Sharif Ali.

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (1961-2011), 19 Syawal 1432H bersamaan dengan 17 September 2011M, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Prospektus KUPU SB 2013/2014. Negara Brunei Darussalam: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Rosni Samah.2013. Kaedah Pengajaran Kosa Kata Bahas Arab Untuk Pelajar Bukan Arab. Malaysia: Universiti Sains Malaysia.